

SOALAN-SOALAN LISAN

MESYUARAT KEDUA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN

PERSIDANGAN KEDUA 10 JULAI 2024 (RABU)

1. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Pencapaian kerajaan perpaduan negeri Perak

1. Minta YAB Menteri Besar Perak beri keterangan siri kejayaan dan pencapaian kerajaan perpaduan sejak diberi amanah utk mentadbir kerajaan negeri Perak selepas PRU-15.

2. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)

SUKMA 2024

- a) Sila nyatakan persediaan Kontingen Perak terhadap SUKMA 2024 yang akan berlangsung di Sarawak pada Bulan Ogos.
- b) Apakah sasaran sasaran pingat bagi Kontingen Perak di Sukma 2024

3. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)

Soalan berkaitan;

GURU MENGAJAR AGAMA

Permohonan untuk mendapatkan Tauliah Guru Mengajar Agama oleh Pemohon, mangambil masa terlalu lama. Iaitu, selama Satu tahun untuk mendapat keputusan. Sekiranya Pemohon gagal ujian, pemohon terpaksa menunggu satu tahun lagi untuk memohon semula ujian bertulis dan ujian lisan. Tempoh masa tersebut adalah terlalu panjang. Adakah Jabatan Mufti dapat memendekkan tempoh untuk mengeluarkan keputusan peperiksaan yang telah diambil oleh pemohon kurang daripada satu tahun. Mohon YAB Menteri Besar jelaskan berapa lamakah tempoh masa lebih cepat untuk mendapatkan keputusan ujian yang diambil oleh pemohon.

4. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Kerajaan telah mempromosikan ESG atau penyepaduan penjagaan alam sekitar (Environment), sosial (Social) dan tadbir urus (Governance) demi meningkatkan prospek kemapanan yang mampu bertahan cabaran perniagaan yang semakin mencabar.

Namun merujuk kepada hasil tinjauan yang dikendalikan dengan PKS tempatan oleh N31, kefahaman tentang ESG adalah rendah. Persoalan saya adalah:

- A) Apakah cara yang sedang digunakan oleh pihak berkepentingan dalam meningkatkan kesedaran PKS agar bersama-sama merangsang usaha pelan ekonomi yang telah dan sedang diterapkan?
- B) Adakah cara-cara yang dilancarkan berkesan? Kalau tidak, apakah usaha seterusnya yang akan diambil untuk menjamin pembangunan ekonomi berkelanjutan yang berkait rapat dengan ESG?

5. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Pusat Ekonomi Digital (PEDi) telah diberi nafas baharu melalui penjenamaan semula dengan nama Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) mulai 1 Mac 2024. Sebelum ini PEDi berperanan memberi peluang kepada komuniti setempat memperkasa kemahiran digital dan menjana pendapatan melalui platform e-Dagang. Apakah matlamat baharu NADI?

- a) Berapakah penjanaan pendapatan yang berjaya ditingkatkan oleh usahawan yang memanfaatkan PEDi untuk melaksanakan transaksi e-Dagang?
- b) Apakah langkah yang diambil untuk memperluaskan penanaman PEDi@NADI supaya dapat dimanfaatkan oleh komuniti yang lebih luas dan bukan hanya dimanfaatkan oleh komuniti yang berhampiran dengan premis PEDi@NADI sahaja?

6. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Tentang Pembangunan kampung baru

- i. Sila jelaskan setakat tahun ini, apakah pembangunan yang telah dilaksanakan dan bakal dilaksana?
- ii. Sila jelaskan apakah bantuan-bantuan yang disediakan untuk membantu kegiatan ekonomi kampung baru?
- iii. Ada pihak yang tidak bertanggungjawab sering memberi gambaran negatif atas imej kampung baru, demi agenda mendapat populariti peribadi ataupun kepentingan golongan fanatik ini. Apakah penjelasan pihak kerajaan negeri bagi menangkis sangkaan buruk ini?

7. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Kegiatan ekonomi perikanan adalah antara pekerjaan utama penduduk di Dun Trong. Apakah usaha kerajaan membangunkan aktiviti perikanan di Dun Trong dan nyatakan insiatif kerajaan bagi membantu para nelayan meningkatkan hasil perikanan mereka?

8. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

Taman Perindustrian untuk Sektor E&E dan Automotif

- a) Senaraikan Taman Perindustrian untuk sektor E&E dan Automotif yang sedia ada atau sedia dibangunkan di Perak berdasarkan Pelan Perindustrian Perak 2030 dengan keluasan tapak, sasaran pelaburan, infrastruktur yang sedia ada dan peluang pekerjaan yang disasarkan.
- b) Apakah usaha dan strategi kerajaan, contohnya insentif ataupun kemudahan untuk menarik pelaburan ke Taman Perindustrian tersebut?
- c) Apakah strategi kerajaan negeri untuk membangunkan ekosistem untuk industri semikonduktor di negeri Perak?

9. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Di Kawasan DUN Chenderiang kini hanya mempunyai sebuah klinik kesihatan sahaja untuk pelbagai rawatan. Prasana kemudahan kesihatan rakyat perlu dipertingkatkan.

- a) Apakah status terkini perancangan mewujudkan klinik kesihatan baharu di mukim Chenderiang yang kini mempunyai kepadatan penduduk?

10. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

Non Revenue Water (NRW)

2.1 Apakah perancangan kerajaan negeri dalam pengurusan NonRevenue Water (NRW) yang menunjukkan peningkatan?

2.2 Sejauh mana Kerajaan membantu kebajikan rakyat yang terkesan dgn kenaikan tarif air di Negeri Perak?

11. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Kawasan DUN Tronoh masih mempunyai 3 kampung baru iaitu Kampung Baru Bemban, Kampung Baru Nalla dan Kampung Baru Bali yang tidak berada dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Apakah rancangan atau pelan tindakan kerajaan negeri supaya ketiga-tiga kampung baru dimasukkan ke dalam kawasan pentadbiran PBT? Sila nyatakan kebaikan yang akan diterima oleh penduduk kampung selepas dimasukkan ke dalam kawasan pentadbiran MDBG.

12. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Kitar semula

Apakah pelan dan rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang pihak kerajaan negeri untuk mengalakkan amalan kitar semula di kalangan masyarakat dalam usaha membawa nilai tambah untuk pengurusan sisa pepejal?

13. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)

SENARAIKAN TINDAKAN JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG OLEH KERAJAAN NEGERI UNTUK MENGATASI MASALAH TANAH JERLUS YANG BERLAKU DI KAWASAN JELAPANG PADI DAERAH KERIAN

14. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

SISTEM LOJI RAWATAN KUMBAHAN GAGAL BERFUNGSI DI MEDAN KLEBANG PRIMA.

(a) Apakah langkah segera kerajaan bagi mengatasi sistem loji rawatan kumbahan yang gagal berfungsi di Medan Klebang Prima yang menyebabkan air kumbahan tidak masuk ke kawasan kumbahan utama?

(b) Adakah kerajaan bercadang bagi membaik pulih sistem loji rawatan kumbahan ini agar dapat bertahan dalam tempoh masa yang lama?

(c) Adakah kerajaan mempunyai solusi dalam menyelesaikan masalah bau busuk serta pembiakan nyamuk akibat daripada sistem loji rawatan kumbahan tersebut yang gagal berfungsi?

15. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

PERUMAHAN PERAK

1. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi menangani projek perumahan terbengkalai di Perak dan menangani isu rumah yang tidak terjual di negeri Perak?
2. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan projek perumahan di negeri Perak memenuhi keperluan semasa.
3. Adakah Kerajaan Negeri Perak bercadang untuk membina rumah kos rendah di Hutan Melintang, jika ada perjelaskan status perlaksanaannya.

16. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Di bawah New Industrial Master Plan 2030, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membantu sektor industri mengubah ke teknologi tinggi, peralatan automasi, pekerja berkemahiran tinggi dan mencapai matlamat green ekonomi?

17. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Terdapat halangan bagi Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen Pembangkang menggunakan atau menyewa premis di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi program kemasyarakatan. Adakah halangan ini suatu ketetapan daripada pihak kerajaan negeri atau polisi yang berbeza-beza bagi setiap daerah?

18. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

Tahun Melawat Perak 2024 - Daerah Bagan Datuk merupakan salah satu Daerah dalam negeri Perak yang berpotensi menjadi destinasi pelancongan. Antara aset pelancongan serta warisan yang boleh dijadikan tarikan pengunjung, Beting Beras Basah, Pulau Sembilan (Blue Tears / Blue Sands), Skymirror di Bagan Sungai Burong, Rekreasi Pulau Sembilan, Skymirror dan Bagan Datuk Waterfront. Sejajar dengan perancangan Negeri Perak – Tahun Melawat Perak 2024 yang telah bermula tahun ini.. :>

- Apakah destinasi-destinasi pelancongan di Bagan Datuk yang termasuk di dalam ‘Tourism Trail’ Tahun Melawat Perak 2024 dan bagaimanakah tahap kesediaan Kerajaan Negeri dalam mempersiapkan lokasi-lokasi tarikan pelancong dari aspek pembangunan fizikal dan pengenalan promosi di media cetak mahupun media elektronik/sosial.?
- Inap Desa (ekopelancongan) dan tanaman kelapa (agropelancongan), bagaimanakah dan apakah kerajaan negeri mempunyai satu blueprint khusus di dalam dua aspek pelancongan ini untuk di selaraskan dan menjadi punca ekonomi utama setempat kerana kedua dua kategori ini sangat rapat dengan pembangunan ekonomi rakyat.?

19. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menggantikan Jambatan lama lagi sempit yang dibina sejak merdeka lagi seperti jambatan jalan negeri A 109 Air Kuning dan jambatan jalan negeri A 136 Jalan Jelutung - Changkat Ibol dalam DUN Changkat Jering yang perlu diberi perhatian.

20. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji dan menyelidik penanaman padi huma untuk membantu masyarakat mendapatkan beras tempatan sebagai alternatif menambah bekalan beras putih tempatan (BPT) sedia ada?

21. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Apa usaha pihak kerajaan dalam membantu orang kampung atau pemilik kebun yang menghadapi masalah gangguan haiwan liar seperti beruk, monyet, lotong dan babi, khususnya ketika musim buah seperti sekarang.

22. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Apa usaha pihak kerajaan dalam membantu orang kampung atau pemilik kebun yang menghadapi masalah gangguan haiwan liar seperti beruk, monyet, lotong dan babi, khususnya ketika musim buah seperti sekarang.

23. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Apakah yang telah terjadi kepada projek Seri Iskandar sentral yang pernah dimaklumkan oleh MDPT (majlis daerah perak tengah) di mana semua penyewa-penyewa gerai di tapak tersebut telah diarahkan pindah?

24. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

NAIK TARAF LITAR PERMOTORAN NEGERI PERAK.

- (a) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menarik minat anak muda yang berminat terhadap sukan permotoran secara sihat?
- (b) Adakah pihak kerajaan mempunyai usaha bagi menaik taraf litar permotoran yang sedia ada di Dato Sagor agar dapat dimanfaatkan dengan baik?
- (c) Sekiranya tidak, Apakah usaha pihak kerajaan dalam membina litar permotoran pelbagai guna yang mempunyai pelbagai kemudahan dan boleh digunakan bagi program kebangsaan dan antarabangsa?

25. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

Pelan tindakan kejiranan hijau

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mewartakan Pelan Tindakan Kejiranan Hijau yang turut menggariskan Rainwater Harvesting System atau Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) sebagai salah satu langkah pengurusan air yang berkesan.

1. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam melaksanakan Pelan Tindakan Kejiranan Hijau di negeri Perak.
2. Nyatakan secara terperinci jumlah bangunan-bangunan kerajaan yang dilengkapi dengan Sistem Penuaian Air Hujan di negeri Perak.
3. Apakah strategi kerajaan dalam melaksanakan program galakan penggunaan air hujan?

26. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Klinik Kesihatan Buntong sentiasa mengalami kerosakan penghawa dingin berpusat dan perkara ini menimbulkan kesusahan dan kesulitan yang tidak terhingga kepada kakitangan klinik dan menjelaskan pengoperasian klinik secara optimum. Adakah kerajaan negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak mempunyai perancangan untuk mengantikan penghawa dingin di Klinik Kesihatan Buntong supaya pengoperasian pusat perubutan ini tidak akan terjejas.

27. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Seringkali kerajaan negeri menyarankan pihak berkepentingan memberi sokongan kepada PKS tempatan demi meransang ekonomi negeri mahupun negara. Namun, sebanyak 400 maklum balas yang dikumpul daripada Program Perdana Kesedaran E-Invoicing & NIMP2030 kepada PKS anjuran Pusat Khidmat Masyarakat N31 pada 8hb Jun lalu menunjuk bahawa PKS tempatan menghadapi cabaran besar untuk mendapat sokongan daripada jabatan kerajaan negeri. Fenomena ini yang mendorong mereka untuk mengupah agen pihak ketiga untuk mengendalikan urusan rasmi. Keadaan ini bukan sahaja merumitkan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan, bahkan juga mendorong kes-kes penipuan. Apakah cara efisien yang diambil oleh kerajaan negeri dalam mengisi celah-celah ini?

28. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Apakah peranan dan tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran mahupun IADA dalam menyelesaikan masalah sistem saliran dan perparitan yang masih membenggu pesawah-pesawah di Mukim Sungai Manik dan Labu Kubong. Kebanyakan pesawah mengeluh setiap kali timbul masalah, mereka tidak pasti samada perlu buat aduan kepada pihak JPS ataupun IADA?

29. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

- a) Apakah perkembangan terkini berkaitan usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menyerahkan rumah di Perumahan Perakku Batu 14, Lekir?
- b) Sehingga kini, berapa ramaikah pemohon yang layak untuk membeli rumah-rumah tersebut?

30. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)

Bagaimanakah dengan kewujudan LUMIC dan HIP di Lekir boleh membawa kesan pembangunan di kawasan Pekan Beruas pada masa akan datang kerana dengan adanya WCE ianya sudah tentu menjadi pemangkin kepada pembangunan di Negeri Perak dengan tidak secara langsung dapat juga di rasai oleh penduduk Pekan Beruas.

31. YB ENCIK MUHAMMAD HAKIMI HAMZI BIN MOHD HAYAT (TITI SERONG)

Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah gejala judi dan judi online di dalam masyarakat terutamanya dikalangan masyarakat muslim?

32. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Masalah gangguan haiwan liar seperti monyet dan anjing amat membimbangkan. Kediaman penduduk sering digangu oleh monyet yang berkumpul di atas bumbung sampai berani masuk rumah dan merosakkan harta benda manakala anjing atau kucing liar yang tidak bertuan berkeliaran di sekitar taman atau kawasan pasar awam.

- a) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri dan tempatan setakat ini khususnya di bandar Taiping untuk menangani masalah tersebut?
- b) Apakah status kempen pemandulan dan lepaskan untuk anjing atau kucing liar setakat ini?
- c) Apakah langkah seterusnya dan jangka masa untuk menangani isu tersebut?

33. YB ENCIK SALEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

A. Selain pemberian "one-Off" kepada pegawai masjid dan surau dalam negeri Perak, apakah perancangan kerajaan negeri bagi menambah baik kadar elauan pegawai masjid dan surau dalam memastikan elauan yang diterima bersesuaian dengan kadar kos keperluan sara hidup masa kini?

B. Mohon dijelaskan status terkini berkaitan cadangan perpindahan Sekolah Agama Raja Perempuan Taayah dan status tanah bangunan sekolah tersebut.

34. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Dalam penggulungan Bajet 2023 YB Exco Infra ada menyatakan bahawa pihak Pejabat Daerah LMS telah menyediakan perincian kerja penyediaan jajaran longkang secara menyeluruh di kamunting.

1. Kg Batu 5 (RM 500.00)

2. Kg Sg Relong (RM 2.5 Juta)
3. Kg Baru Kamunting (RM 1.5 Juta)
4. Kg Sg Rantin (1.5 juta)

untuk di angkat kepada kerajaan negeri untuk kelulusan

Soalan - Adakah pihak kerajaan telah menerima permohonan ini dan apakah status kelulusannya

35. YB DR ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Status kemiskinan: pernah disebut di parlimen bahawa Perak adalah empat negeri paling miskin bersama Kelantan, Sabah dan Sarawak. Mohon pencerahan dan status terkini?

36. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)

Peranan masjid dalam Pembangunan insan dan dakwah

- (a) Berapakah purata bilangan pengajian mengikut masjid di seluruh negeri Perak?
- (b) Apakah peranan yang digerakkan oleh JAIPk dan pengurusan masjid melalui sebarang program yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah buta Al-Quran khususnya dalam kalangan orang dewasa?
- (c) Apakah usaha bersepada yang telah dan akan diambil untuk meramaikan serta menarik jemaah untuk hadir ke masjid khususnya bagi golongan anak muda ?

37. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Kotak makanan Yayasan Perak.

- i) Berapakan peruntukan yang digunakan pada tahun 2023 dan 2024 untuk Program Kotak Makanan Yayasan Perak
- ii) Senaraikan maklumat wakil Penerima Kotak Makanan Yayasan Perak mengikut kawasan DUN, Nama Persatuan/NGO & Alamat penghantaraan.

38. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Dun Kuala Sepetang sering mengalami banjir sejak sekian lama sehingga kini yang melibatkan beberapa Kampung termasuk Taman. Apakah punca serta langkah menyelesaikan masalah ini dan adakah sebarang bantuan atau pampasan setimpal diberikan kerajaan atas kerugian.

39. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar Perak mengenai pemohonan peruntukan Dun Batu Kurau di bawah peruntukan Menteri Besar Besar..mohon nama projek dan anggaran kos.

40. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)

PERUNTUKAN YAYASAN PERAK BAGI PROGRAM SAYANGI RUMAHKU YANG DILIHAT SEBAGAI SUATU INISIATIF TERBAIK DARIPADA KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI MEMBANTU MASYARAKAT MISKIN DAN MISKIN TEGAR DALAM MENDAPATKAN RUMAH BARU MAHUPUN BAIKPULIH RUMAH TANPA BAYARAN BALIK.

1. ADAKAH KERAJAAN NEGERI AKAN MENAMBAH LAGI PERUNTUKAN SEDIA ADA BAGI MEMASTIKAN LEBIH RAMAI PENERIMA YANG LAYAK MENDAPAT MANFAAT DARIPADA PROGRAMINI?
2. ADAKAH YAYASAN PERAK AKAN MENAMBAH BAIK PROSES KELULUSAN YANG TIDAK MENGAMBIL MASA LAMA BAGI MEMBANTU PENERIMA PROGRAM SAYANGI RUMAHKU TERUTAMANYA BAGI PROGRAM BAIKPULIH RUMAH